

Khalid angkat sumpah MB esok
Malaysiakini.com
Mar 12, 2008

Setiausaha agung PKR dan wakil Ijok, Khalid Ibrahim, akan mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Selangor yang baru esok.

Upacara itu akan berlangsung pada 2 petang di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam.

Beliau dijangka menamakan barisan anggota majlis mesyuarat kerajaan (exco) negeri dalam tempoh terdekat.

Walaupun Khalid sudah disebut-sebut sebagai Menteri Besar kerajaan yang ditubuhkan pakatan pembangkang PKR-DAP-PAS, calon timbalan menteri besar masih samar-samar.

Mereka bersetuju melantik calon DAP untuk jawatan itu tetapi istana mempunyai pandangan berbeza. Nama calon bukan Melayu itu bagaimanapun belum diketahui.

Menurut setiausaha sulit kepada Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani, Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri menyebut, seorang menteri besar yang dilantik itu perlu berbangsa Melayu dan menganut agama Islam seperti yang tertakluk kepada Peruntukan Fasal Empat Perkara 53.

Begitu juga dengan jawatan Timbalan Menteri Besar, walaupun tidak dinyatakan dengan terperinci keperluan melantik seorang yang berbangsa Melayu dan beragama Islam, tetapi sewajarnya ia dilantik daripada orang Melayu yang beragama Islam.

Mohamad berkata, tugas Timbalan Menteri Besar adalah membantu Menteri Besar dalam urusan kerajaan dan bagaimana beliau hendak membantu Menteri Besar dalam hal-hal upacara keagamaan dan seumpamanya.

Bername memetik beliau sebagai memberitahu satu sidang akhbar hari ini bahawa hanya ada satu jawatan timbalan menteri besar yang boleh dilantik oleh menteri besar setelah mendapat perkenan Sultan Selangor.

Menjawab soalan wartawan sama ada Sultan Selangor telah memilih bakal Menteri Besar, Mohamad berkata: "Nampaknya belum ada keputusan sebab pelantikan menteri besar ini adalah hak mutlak Sultan Selangor."

Katanya, baginda boleh memilih sesiapa daripada wakil-wakil yang telah menang dalam pilihanraya umum baru-baru ini.

Menurut Mohamad, keputusan mengenainya akan diumumkan dalam tempoh masa yang terdekat di mana satu upacara pelantikan, angkat sumpah dan taat setia akan diadakan di Istana Bukit Kayangan Shah Alam.

Mohamad juga berkata, baginda berkenan dengan penggabungan parti pembangkang - PKR, DAP dan PAS - dan baginda akan memilih calon yang sesuai untuk menjadi menteri besar Selangor.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/79689>